

## PELAKSANAAN ELEMEN HEUTAGOGI DALAM PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH

Noor Muslieah Mustafa Kamal<sup>1</sup>, \*Zaharah Hussin<sup>1</sup> & Abdul  
Muhsien Sulaiman<sup>1</sup>

### ABSTRACT

The education system requires several modifications in teaching methods to meet the learning needs of students in the 21st century. Accordingly, teachers are urged to implement pedagogical transformation to provide students with knowledge and various skills in preparation for future careers. The heutagogic approach is seen as a new pedagogical alternative that is able to support the desire for change in education. By focusing on student centralization, the application of heutagogy elements can increase the level of student autonomy in the teaching and learning process. However, how do Islamic Education teachers implement elements of heutagogy among students in secondary schools? To answer this question, the research was conducted with a qualitative methodology using a case study design. Data was collected through semi-structured interviews and document analysis. Purposive sampling was used to select four Islamic Education teachers as study participants in different secondary schools from four states. The interview data was transcribed and analyzed thematically before being triangulated with document analysis. To construct an accurate theme, data from all participants were compared. The findings of the study show that Islamic Education teachers have applied elements of heutagogy in their teaching and learning process. This finding has an impact on educators in particular and school administrators in general in terms of improving teaching methods to meet the current needs of students. In addition, the application of the heutagogy approach among students has the potential to open an effective learning environment for the involvement of stakeholders in improving national education.

**Keywords:** *Heutagogy, Islamic Education, Teaching and Learning*

[1]  
Faculty of Education,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur

[1]  
Faculty of Education,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur  
[zaharah@um.edu.my](mailto:zaharah@um.edu.my)

[1]  
Faculty of Education,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur

## PENGENALAN

Guru memerlukan pelbagai kebolehan pengajaran antara disiplin dan holistik untuk memenuhi tuntutan daya saing dalam era globalisasi (Muhammad Ayisy Baharudin & Mohd Ashraf Ibrahim, 2019). Pada abad ke-21, pendidikan adalah komponen penting dalam membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan mempunyai pelbagai kemahiran (Hase, 2001). Murid hendaklah mempunyai autonomi yang besar apabila mereka mengambil inisiatif dan menunjukkan minat dalam proses pembelajaran, selain memahami topik dan memeriksa sumber pendidikan. Murid mestilah mempunyai fleksibiliti untuk meneroka pengetahuan dan mengejar minat mereka sendiri. Dengan cara ini, murid dapat menentukan corak pembelajaran yang paling sesuai dengan jiwa dan cita-cita serta minat akademik mereka. Bahkan, KPM juga menekankan strategi pengajaran berpusatkan murid melalui pembelajaran sendiri dengan mengikut kebolehan dan keupayaan mereka sendiri (KPM, 2013). Dengan cara ini, murid dapat merasakan pengalaman belajar disamping mengetahui proses mengumpul pengetahuan dan sumber pembelajaran itu sendiri dalam kaedah ini (Blaschke et al., 2016; Fisk, 2017; KPM, 2013; Ibnu Khaldun, 2002).

### Pendekatan Heutagogi

Dunia pendidikan mengalami satu revolusi yang pragmatik untuk terus kekal bersaing dalam era globalisasi yang semakin kompleks. Persaingan ini menuntut kepada paradigma teknik dan amalan pendidikan sama ada daripada pihak guru ataupun murid. Jika dilihat, dunia pendidikan lampau banyak bergantung kepada pendekatan perubahan tingkah laku namun kini berlaku satu perubahan revolusi dalam pendidikan insan (Seçil, 2019). Banyak pendekatan baru yang diperkenalkan dalam dunia pendidikan seiring dengan perubahan gaya murid mencari ilmu. Murid inginkan kebebasan dalam meneroka ilmu serta mempunyai keinginan sendiri untuk menentukan corak pembelajaran yang sesuai dengan jiwa dan kehendak mereka.

Pendidikan moden kini akan menemui kejayaan sekiranya murid menjadi agen utama dalam pembelajaran mereka. Pendidikan bukan sekadar perlu bergantung kepada pedagogi atau andragogi tetapi pendidikan perlu membangunkan pembelajaran sendiri murid supaya pembelajaran sepanjang hayat dapat direalisasikan (Patel, 2019). Satu pendekatan pendidikan terkini diperkenalkan oleh Kenyon dan Hase (2000) iaitu pendekatan heutagogi. Pendekatan heutagogi merupakan satu model holistik yang memberi penekanan kepada bagaimana murid perlu belajar untuk belajar serta memperbaiki diri mereka menggunakan teknik pembelajaran sendiri (Blaschke & Hase, 2019).

Menurut Hase dan Kenyon (2000), konsep heutagogi merujuk kepada kaedah untuk mengajar orang bagaimana membuat keputusan mereka sendiri. Dalam heutagogi, murid digalakkan untuk menggunakan pengalaman peribadi mereka sendiri, pengetahuan, keinginan dan kreativiti untuk membangunkan corak pembelajaran yang optimum. Heutagogi mendatangkan satu kelainan dalam corak pengajaran dan pembelajaran yang membolehkan murid mampu bersaing di peringkat yang lebih luas di alam pekerjaan. Bahkan, heutagogi selari dengan prinsip pembelajaran sendiri yang dicirikan dalam kurikulum kebangsaan yang menekankan pendekatan berpusatkan murid (KPM, 2013). Malahan, prinsip asas heutagogi juga sejajar dengan matlamat Pendidikan Islam yang menumpu kepada perkembangan potensi murid melalui proses pendidikan dan bimbingan yang berterusan (Ibnu Khaldun, 2002).

Melalui pendekatan heutagogi, murid mempunyai masa yang lebih untuk meneroka ilmu dan mereka akan terlibat secara aktif dalam pembelajaran tersebut. Konsep heutagogi yang meletakkan murid sebagai fokus utama menjadikan murid mempunyai keyakinan diri, bebas dan lebih seronok untuk meneroka ilmu. Kebebasan yang diberikan untuk murid menentukan teknik dan kandungan yang ingin dipelajari dapat memupuk motivasi intrinsik seterusnya meningkatkan tahap efikasi sendiri murid (Moore, 2020). Hase dan Kenyon (2013) menyatakan, persekitaran pengajaran dan pembelajaran secara heutagogi boleh dilaksanakan apabila 1) murid dilibatkan bersama dalam mereka bentuk isi dan proses pembelajaran, 2) penilaian pembelajaran yang fleksibel, 3) pembelajaran yang aktif dan kolaboratif, 4) menggalakkan penerokaan dengan pelbagai sumber pelajaran dan 5) mengurangkan kawalan semasa sesi pembelajaran.

Murid perlu dilatih berdikari dengan memberi kepercayaan dan keyakinan kepada mereka untuk mengurus pembelajaran. Kelonggaran dari segi kawalan perlu diberikan oleh guru semasa tugas atau aktiviti dijalankan

akan membolehkan murid mengambil alih pengurusan pembelajaran (Coomey & Stephenson, 2001). Selain itu, peranan guru juga akan berperanan sebagai pembimbing untuk mengawal aktiviti dan corak pembelajaran yang ditentukan oleh murid. KPM menegaskan tugas guru sebagai pemudah cara dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran meliputi enam aspek iaitu guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong dan penilai bagi membentuk murid sebagai pembelajar yang aktif. Levy-Feldman (2018) pula menekankan seorang pemudah cara mestilah mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang yang diceburinya. Perkara ini perlu supaya mereka dapat mengarahkan murid ke arah sumber pelajaran dan aktiviti pembelajaran yang relevan dan sesuai dengan matlamat kurikulum. Pendekatan heutagogi memberi peluang kepada guru mewujudkan hubungan secara langsung dengan murid di samping membimbing mereka mencapai sesuatu matlamat pengajaran. Guru akan memperoleh banyak ilmu baru dengan cara meneroka pendekatan baru pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh murid (Blaschke & Hase, 2019).

Heutagogi dibina di atas enam elemen yang membolehkan murid terlibat dalam perbincangan mengenai proses pembelajaran, terlibat dalam aktiviti pembelajaran aktif, dan mencapai hasil pembelajaran yang berterusan dan berulang. Penerokaan, penciptaan, kolaborasi, berhubung, perkongsian, dan refleksi adalah beberapa contoh komponen ini (Blaschke, 2016). Murid diajar untuk berdikari dengan menanamkan rasa percaya dan keyakinan mereka terhadap keupayaan mereka untuk belajar. Membenarkan murid untuk mengambil alih pendidikan mereka sendiri memerlukan guru untuk menjadi fleksibel dalam berapa banyak kawalan yang mereka ada ke atas proses (Coomey & Stephenson, 2001). Tindakan dan corak pembelajaran murid akan dipantau dan dikawal oleh guru dalam peranan mentor ini. Pengajaran dan pembelajaran, menurut Kementerian Pendidikan (KPM), difasilitasi oleh tenaga pengajar dalam enam cara iaitu perancangan, kawalan, mentor, motivator dan penilai. Seorang fasilitator harus mahir dalam perkara yang dia ditugaskan untuk memudahkan (Levy-Feldman, 2018).

Dalam konteks negara Malaysia, mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan subjek teras yang wajib diambil oleh murid yang beragama Islam. Pendidikan Islam memerlukan PdP yang menekankan kepada pengetahuan, amalan dan penghayatan. Hal ini bermakna ilmu pengetahuan yang diperolehi oleh murid hendaklah dizahirkan dalam bentuk amalan dan dihayati secara berterusan (BPK, 2017). Lantaran itu, pengajaran guru Pendidikan Islam (GPI) juga mestilah bercirikan pendidikan abad ke-21 dengan memperkasa kurikulum yang dimulakan di peringkat sekolah menengah sebagai persediaan mereka menceburkan diri dalam pasaran kerja (Muhammad Talhah Ajmain, Aminudin Hehsan & Ahmad Marzuki Mohamad, 2019; Wan Mariana Wan Mohamad & Kamarul Shukri Mat Teh, 2019). Justeru, kebijaksanaan guru semasa mengendalikan PdP dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran amat diperlukan dalam bilik darjah sebagai platform utama untuk mencapai keberhasilan murid yang optima. Oleh yang demikian, heutagogi yang disifatkan sebagai salah satu kaedah pengajaran abad ke-21 (Hase & Kenyon, 2013; Blaschke, 2016) wajar diketengahkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam kerana pengajaran GPI tidak banyak berubah dari segi kualiti walaupun pelbagai teknik diperkenalkan (Norma Jusof & Mohd Isa Hamzah, 2020).

Terdapat enam elemen heutagogi yang dikemukakan oleh Blaschke dan Hase (2016) iaitu meneroka, mencipta, kolaborasi, berhubung, merefleksi dan berkongsi. Dengan adanya enam elemen yang telah dinyatakan dalam heutagogi, proses PdP yang dilaksanakan akan berupaya memupuk kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (Green & Schlairet, 2017; Blaschke, 2012). Pertama, bagi menggalakan iklim pembelajaran yang baik, guru sewajarnya memberikan perhatian kepada aktiviti yang mengetengahkan elemen penerokaan secara bebas kepada pelbagai sumber pengetahuan. Elemen ini boleh dijadikan sebagai asas kepada pembelajaran nonlinear kerana murid berupaya mencari maklumat secara bebas mengikut kesesuaian (Norazman Alias et al., 2020). Dengan kurikulum yang fleksibel dan beberapa penyesuaian, internet menyediakan persekitaran ideal untuk membuat penerokaan dengan mudah dalam pembelajaran (Nurul Aisyah Kamrozzaman et al., 2019). Elemen meneroka menyokong pembelajaran sepanjang hayat kerana pengalaman ketika mengeksplorasi ilmu memungkinkan murid membina dan menguji hipotesis serta menyoal dan mendapatkan jawapan di dalam proses penerokaan (Ruzainim Mohd Zelani et al., 2021).

Seterusnya, elemen heutagogi yang kedua merujuk kepada mencipta iaitu penghasilan sesuatu yang baru berdasarkan ilmu yang diperolehi. Pendedahan kepada murid dengan elemen mencipta dapat membantu murid menjana idea lebih kreatif dan inovatif (Nurul Aisyah Kamrozzaman et al., 2019). Kolaborasi sebagai elemen ketiga dalam heutagogi bermaksud kerjasama murid dapat belajar antara satu sama lain dalam komuniti pembelajaran (Nurul Aisyah Kamrozzaman et al., 2019). Hal ini akan dapat dicapai apabila pembelajaran

berlangsung dalam aktiviti berkumpulan untuk membolehkan perkongsian idea dan maklumat sama ada dalam kumpulan yang sama ataupun berbeza (Ainun Rahmah Iberahim et al., 2017). Apabila murid mempunyai matlamat yang sama dalam pembelajaran, mereka boleh berbincang dan menyelesaikan tugas di samping mengukuhkan pengetahuan dan pengalaman mereka secara berterusan (Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail, 2018).

Berikutnya ialah elemen heutagogi yang keempat iaitu perkongsian. Menurut Mimi Mohaffyyza Mohamad et al. (2020), berkongsi idea dengan orang lain membolehkan pertukaran maklumat dan pengalaman di samping meninjau potensi untuk bekerjasama di masa akan datang. Seterusnya, berhubung merupakan salah satu elemen dalam heutagogi yang menzahirkan aktiviti perkongsian maklumat antara satu sama lain. Lazimnya, komunikasi yang baik akan menjalinkan hubungan yang baik antara satu sama (Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail, 2018). Lantaran itu, murid boleh belajar bersama, membina persefahaman dari segi minat dan hobi ke arah kerjasama di masa akan datang. Melalui penggunaan teknologi juga, guru dan murid dapat berhubung antara satu sama lain tanpa mengira masa dan tempat (Nadia Abdul Hamid & Jamalul Lail Abdul Wahab, 2017). Refleksi merupakan elemen heutagogi yang terakhir. Melalui elemen ini, murid membuat refleksi terhadap pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari. Dalam masa yang sama, guru juga menggunakan maklum balas daripada murid sebagai cara untuk menilai tahap penguasaan mereka (Ruzainim Mohd Zelani et al., 2021). Dengan cara ini, murid dapat mengimbas kembali pengetahuan dan kemahiran melalui pengalaman yang diperolehi semasa menyertai aktiviti yang dijalankan.

Namun begitu, kajian berkaitan pendekatan heutagogi terutamanya di peringkat sekolah menengah masih belum giat dijalankan terutamanya bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Malah, isu pelaksanaan elemen heutagogi tidak disentuh secara meluas sedangkan kajian-kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa guru sudah menampilkan elemen heutagogi dalam pengajaran mereka (Chan et al., 2019; Preece & Hamed, 2020; Akiyildiz, 2019; Wong et al., 2019). Menurut Chan et al. (2019), penyelidikan berkaitan heutagogi diperlukan untuk membimbing guru dalam melaksanakan amalan heutagogi di sekolah. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka pelaksanaan elemen heutagogi dalam pengajaran GPI di sekolah menengah. Kajian empirikal seumpama ini berpotensi untuk menyebarkan pendekatan heutagogi seperti mana hasrat pendidikan negara untuk melahirkan warganegara yang berkualiti.

## METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Reka bentuk kajian ini dipilih untuk membolehkan penyelidik menjalankan penerokaan secara mendalam (Yin, 2011). Reka bentuk ini sesuai untuk meneliti data dan maklumat mengenai pelaksanaan elemen heutagogi dalam pengajaran GPI di sekolah menengah. Empat orang GPI sekolah menengah dari pelbagai negeri di Malaysia telah ditemubual. Penyelidik menggunakan teknik persampelan bertujuan untuk memilih peserta kajian berdasarkan kriteria berikut, (a) mengajar mata pelajaran untuk Pendidikan Islam, (b) memiliki kelayakan ikhtisas dalam Pendidikan Islam, (c) mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman mengajar, (d) menerima pengiktirafan yang berkaitan dengan pengajaran dan (e) secara sukarela berminat untuk mengambil bahagian dalam kajian ini.

Pengumpulan data kajian ini menggunakan teknik temu bual berstruktur dan analisis dokumen. Temu bual ini digunakan bagi menjawab persoalan kajian kerana berupaya membekalkan data yang bermakna dan mendalam. Sesi temu bual bersama peserta kajian dijalankan secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet disebabkan sekatan pergerakan masih lagi berkuat kuasa semasa pengutipan data dijalankan. Rakaman temu bual direkodkan ke dalam Google Drive dengan kebenaran peserta kajian. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah analisis dokumen bagi menyokong data temu bual dengan meneliti gambar, bahan pembelajaran dan hasil kerja murid. Data temu bual dikategori, disubkategori dan dianalisis menggunakan analisis tematik (Miles & Huberman, 2014). Triangulasi data berlaku dalam kajian ini menerusi triangulasi sumber data diperolehi daripada penglibatan peserta kajian kerana data-data diperolehi daripada empat individu yang berlainan (Creswell & Miller, 2000).

**DAPATAN KAJIAN**

Elemen heutagogi telah dilaksanakan oleh GPI dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dalam penyelidikan ini. Dapatan yang berkaitan dengan persoalan kajian telah disusun dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pelaksanaan Elemen Heutagogi dalam GPI Pendidikan Islam

Elemen	Kod
Meneroka	Tugasan diberikan oleh guru.
	Kesediaan untuk belajar secara bebas
	Bantuan dengan penggunaan teknologi
Mencipta	Pembelajaran berasaskan projek
	Penciptaan produk sebagai alat bantu mengajar
	Penglibatan dalam pertandingan inovasi
Kolaborasi	Jawatan ketua kumpulan
	Pelbagai kemahiran
	Bekerjasama dengan komuniti
Perkongsi	Pembentangan di dalam bilik darjah
	Menggunakan media sosial
	Mengambil bahagian dalam pertandingan inovasi
Berhubung	Perbincangan di kalangan rakan sebaya
	Mendengar dan mempertimbangkan idea-idea orang lain
Refleksi	Penilaian rakan sebaya
	Penilaian guru

Analisis data menunjukkan terdapat enam elemen utama yang muncul bagi menjawab persoalan kajian. Pertama, elemen meneroka merujuk kepada proses mencari dan mendapatkan pengetahuan melalui pelbagai sumber seperti buku, guru, pakar dan portal maklumat di internet.

GPI berpendapat bahawa penerokaan dalam kalangan murid berlaku apabila mereka perlu menyelesaikan tugas yang diberi oleh guru. GPI1 menyatakan "*Saya fikir tugas memberi inspirasi kepada murid untuk menjalankan penerokaan untuk mengembangkan pengetahuan mereka. Perlu hands-on.*" Pandangan ini disokong oleh GPI3 yang menyakini bahawa tugas yang diberi oleh guru berfungsi sebagai rangsangan untuk usaha penerokaan dalam pembelajaran mereka. Namun begitu, tugas yang dirancang oleh guru mestilah mempunyai garis panduan yang jelas untuk memastikan bahawa penerokaan lebih bermatlamat (GPI2).

Penerokaan dalam pembelajaran juga berlaku disebabkan oleh kemahuan mereka secara sendiri untuk menambah maklumat dan pengetahuan secara bebas. Menurut GPI2 dan GPI4, murid mempunyai kemahuan sendiri dalam penerokaan ilmu menunjukkan maksud wujudnya pembelajaran sendiri. Kod lain untuk elemen ini ialah bantuan dengan penggunaan teknologi. Teknologi seperti internet telah menggalakkan kaedah penerokaan dengan lebih cepat dan mudah. Semua peserta kajian bersetuju bahawa internet menyediakan pelajar dengan pelbagai sumber maklumat dan aplikasi yang berkaitan. GPI4 berkata "*Penggunaan telefon bimbit membolehkan akses lebih cepat tanpa mengira di mana anda berada atau berapa masa itu. Murid boleh berhubung dengan pakar dan komuniti dengan lebih mudah.*"

Kedua, elemen penciptaan membolehkan murid menjadi kreatif dengan pelbagai aktiviti dalam pembelajaran yang mereka sertai. Bahan pembelajaran boleh dibuat dari awal atau disesuaikan untuk digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran berasaskan projek adalah pilihan yang popular di kalangan guru kerana ia menggalakkan murid untuk mencerminkan imaginasi mereka. Walau bagaimanapun, semasa murid menghasilkan projek, mereka juga belajar (GPI4) dan membuat perbincangan kumpulan dengan rakan sebaya (GPI1). GPI2 menyatakan "*Projek ini mesti berdasarkan kurikulum pelajaran semasa, dan ia harus menarik dan relevan dengan perspektif murid.*" Selain itu, hasil produk akan digunakan sebagai bahan bantu mengajar (BBM). Hal ini merupakan sebahagian daripada usaha guru untuk menyemai elemen mencipta dalam diri murid. Dalam masa yang sama, guru dan murid boleh menggunakan BBM yang telah dihasilkan untuk membantu dan mengatasi masalah dalam pengajaran dan pembelajaran (GPI4). Bahkan, murid yang menghasilkan BBM secara tidak langsung dapat meningkatkan pengetahuan (GPI4) serta menguatkan daya ingatan dan kemahiran berfikir (GPI1). Tidak dinafikan, BBM yang menarik akan dapat menarik minat murid untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran mereka (GPI1, GPI2 & GPI4). GPI3 juga menjelaskan bahawa elemen mencipta dapat dipupuk dalam kalangan murid dengan penyertaan dalam pertandingan inovasi. Melalui pertandingan inovasi, murid menonjolkan sikap kreatif melalui penghasilan produk berkaitan pembelajaran (GPI3).

Bagi elemen kolaborasi pula, murid mempamerkan kerjasama antara satu sama lain untuk mencapai hasil pembelajaran terbaik semasa belajar. Semua peserta percaya bahawa murid dapat membentuk kerja berpasukan apabila murid mempunyai sikap kerjasama. Pertama, sikap kerjasama ini akan dapat dilihat melalui pelantikan ketua kumpulan. GPI4 menyatakan bahawa pelantikan ketua kumpulan dapat meringankan tugas guru dalam urusan kawalan murid di dalam kelas. Bagi melihat perkembangan dan prestasi murid secara berterusan, GPI1 dan GPI3 menekankan kepentingan mengekalkan ahli kumpulan yang sama sepanjang tahun. Hal ini disokong oleh GPI2 dengan menyatakan keberhasilan murid apabila berada dalam kumpulan yang sama. Selain itu, variasi kemahiran murid menjadi kekuatan dalam sesebuah kumpulan. Dengan adanya variasi kemahiran, murid dapat menyelesaikan tugas dengan baik kerana berperanan mengikut kemahiran yang dimiliki oleh mereka (GPI3 & GPI4). GPI4 juga menyatakan bahawa motivasi murid akan meningkat kerana berupaya menggunakan kebolehan sendiri untuk melibatkan diri dan menyumbang tenaga dalam kumpulan. Elemen kolaborasi juga menonjolkan kerjasama peserta kajian bersama komuniti seperti ibu bapa, kawasan kejiranan, IPT, akademik dan agensi kerajaan. GPI3 berkata, "*la membantu murid belajar bagaimana untuk bergaul dan bersosial apabila mereka bekerja bersama dengan komuniti. Ikatan mereka dengan orang yang lebih tua dapat menunjukkan berapa banyak yang telah mereka pelajari.*" Peserta lain juga menyatakan pandangannya dengan cara yang sama, GPI1 "*Belajar di luar bilik darjah dan bekerjasama dalam komuniti adalah cara yang baik untuk mereka belajar tentang topik-topik mengenai sukatan pelajaran mereka.*"

Selanjutnya, elemen perkongsian diterapkan dengan cara membuat pembentangan di dalam kelas, menggunakan platform media sosial dan menyertai pertandingan inovasi pembelajaran. Pembentangan di dalam kelas merupakan salah satu cara membuat perkongsian dalam pembelajaran untuk menggalakkan penglibatan murid dalam pembelajaran. Dalam kajian ini, semua peserta kajian mengakui bahawa murid yang diajar mempunyai pengalaman dan berupaya membuat perkongsian ilmu melalui pembentangan di dalam kelas. GPI1 menjelaskan pula murid lebih mudah memahami pembentangan yang disampaikan oleh rakan sebaya mereka. Platform media sosial juga menjadi saluran untuk berkongsi bahan pelajaran bagi murid seperti TikTok (GPI4), Instagram (GPI1), Twitter (GPI1) dan YouTube (GPI3). Murid juga dapat membuka jaringan hubungan dengan lebih luas (GPI3). GPI1 menyatakan, "*Perkongsian melalui media sosial membolehkan perkongsian dengan rakan sekelas, rakan sekolah lain, dan agensi luar.*" Selain itu, GPI juga memberi peluang kepada murid membuat perkongsian hasil kerja atau produk kepada orang luar dengan cara menyertai pertandingan inovasi berkaitan

bahan bantu untuk belajar. GPI1 menyatakan, "*Mengambil bahagian dalam pertandingan inovasi akan menggalakkan murid untuk belajar sambil meningkatkan penguasaan mereka terhadap subjek.*"

Seterusnya, aktiviti seperti perbincangan serta mengemukakan, mendengar dan menerima pendapat orang lain digalakkan sebagai sebahagian daripada elemen berhubung. GPI2 menekankan bahawa sesi perbincangan mesti mempunyai tujuan untuk menyelesaikan tugas supaya dapat membanyakkan lagi maklumat dan pengetahuan murid. Di samping itu, adalah lebih baik sesi perbincangan dijalankan secara berkumpulan (GPI2). Dalam masa yang sama, elemen berhubung yang berkesan dapat dibentuk apabila murid dilihat boleh memberi dan menerima pendapat orang lain. GPI4 menyatakan, "*Apabila murid diberi peluang untuk menyatakan pemikiran dan idea mereka kepada orang lain, mereka berasa lebih yakin dengan kebolehan mereka sendiri.*"

Elemen refleksi dapat dilihat bersandarkan kepada dua subtema iaitu penilaian murid dan guru. Penilaian rakan sebaya juga dilihat sebagai cara membuat refleksi untuk melihat tahap pencapaian murid dari perspektif murid. Antara aktiviti penilaian rakan sebaya yang dilaksanakan ialah menilai hasil kerja murid (GPI1), pembentangan (GPI4) dan mendengar bacaan petikan hafazan al-Quran (GPI3). Bahkan, murid merasa seronok dinilai oleh rakan mereka sendiri (GPI2 dan GPI4). GPI3 menyatakan, "*Penilaian sedemikian boleh membantu pelajar bekerja pada kelemahan dan kekurangan mereka, dan mereka juga boleh membuat mereka mahu bersaing antara satu sama lain*". Dalam masa yang sama, penilaian terhadap guru juga sebahagian daripada elemen refleksi. Maklum balas yang diberikan oleh murid mengenai kaedah pengajaran kepada guru untuk meningkatkan kaedah pengajarannya. GPI1 menyatakan, "*Apabila murid menyatakan pendapat mereka terhadap cara guru mengajar, ini adalah peluang untuk guru memperbaiki kaedah pengajaran mereka.*"

## PERBINCANGAN

Perbincangan dapatan kajian berkaitan elemen heutagogi dalam pengajaran GPI ini terdiri daripada enam elemen iaitu penerokaan, penciptaan, refleksi, kolaborasi, perkongsian dan berhubung.

Peserta mengakui bahawa elemen penerokaan sangat terikat dengan usaha untuk mencari atau memperoleh pengetahuan dari pelbagai sumber, termasuk buku, portal maklumat dan internet. Dapatan kajian ini berselari dengan kajian Norwahida Saamri et al., (2021), Nur Ashikin Suhaimi & Nor'ain Mohd Tajudin (2020) dan Andika Bagus Nur Rahma Putra et al. (2019) yang menjelaskan tentang kepentingan guru menggalakkan aktiviti penerokaan di dalam pembelajaran murid. GPI mengamalkan pemberian tugas kepada murid sebagai satu cara untuk merangsang aktiviti penerokaan. Ia juga menunjukkan kepentingan bantuan dan galakan guru sebagai motivator pada peringkat awal (Carstens et al., 2021). Selain itu, terdapat juga murid yang mempunyai daya kemahuan untuk membuat penerokaan dengan sendiri. Tingkah laku sebegini yang dipamerkan oleh murid merupakan indikator kepada wujudnya pembelajaran sendiri. Dalam masa yang sama, penerokaan menjadi lebih mudah dan cepat apabila murid mempunyai kemampuan mempunyai alat seperti telefon pintar yang tersedia dengan jaringan internet. Kajian Noor Muslieh Mustafa Kamal (2021), Narayan et al., (2019), Wong et al., (2019), Jalaluddin Abdul Malek (2017) juga menyetujui telefon bimbit sebagai salah satu alat untuk pembelajaran yang mendorong murid ke arah pembelajaran sendiri. Lambakan sumber pelajaran tanpa terikat dengan masa dan tempat menjadikan maklumat dan pengetahuan mudah diakses. Malah, internet membuka peluang kepada penerokaan ilmu baru yang membolehkan kerjasama antara guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, elemen penciptaan juga diterap menjadi amalan dalam pengajaran GPI. GPI memahami bahawa penciptaan merujuk kepada usaha menghasilkan bahan pembelajaran dengan idea sendiri atau ubahsuai daripada idea yang terdahulu. Elemen penciptaan amat perlu sebagai latihan kepada murid sebelum mengaplikasikannya dalam cabaran dunia sebenar (Ordu, 2021). Justeru itu, pengkaji mendapati GPI telah melaksanakan aktiviti yang menjurus kepada penciptaan seperti pembelajaran berasaskan projek, penghasilan BBM dan produk inovasi. Terdapat pelbagai projek yang dibuat oleh murid antaranya ialah buku skrap, nota cantik, diari refleksi, poster dan peta minda.

Di samping itu, GPI juga dilihat membuat kelainan dengan membuka peluang kepada murid untuk menghasilkan BBM. Melalui penghasilan BBM, murid berupaya membuat penciptaan berdasarkan sudut pandangan mereka sebagai murid. Dalam masa yang sama, murid melihat peluang menghasilkan BBM sebagai cara untuk belajar, menambah pengetahuan dan meningkatkan kefahaman dengan lebih mendalam. Selain itu, berbekalkan pengalaman murid dalam menghasilkan projek dan BBM, dua orang GPI mengembangkan lagi daya cipta murid dengan membawa mereka untuk menyertai pertandingan inovasi yang memerlukan murid menghasilkan produk berkaitan BBM untuk PdP. Penglibatan murid dalam pertandingan inovasi memerlukan mereka mengikut prosedur tertentu yang mencabar kemahiran merancang, memimpin, mencipta dan berkomunikasi. Apatah lagi pertandingan inovasi seumpama ini meletakkan banyak persaingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dalam kajian ini, gerak kerja berkumpulan menjadi pilihan GPI dalam membentuk elemen kolaborasi semasa PdP. Selain bekerja dan berganding secara bersama untuk menyelesaikan tugas, pelantikan ketua kumpulan juga mampu mengurangkan tugas guru dalam urusan kawalan murid. Hal ini selaras dengan kajian Mohd Asnorhisham Adam et al. (2017) yang menyatakan bahawa ketua kumpulan bertindak sebagai penyelaras untuk mengkoordinasi aktiviti pembelajaran atau tugas. Malah, ketua kumpulan juga perlu mentadbir dan mengurus kumpulan supaya tidak berlaku salah faham agar tugas dapat disiapkan dalam tempoh yang diberikan (Noor Afzaliza Nazira & Maizatul Haizan, 2021). Dapatan kajian menunjukkan adalah wajar sekiranya ahli kumpulan dapat dikekalkan bagi sepanjang tahun persekolahan semasa. Hal ini berselari dengan pandangan Sharan dan Sharan (1992) yang menyatakan bahawa ahli dalam kumpulan lazimnya dikekalkan untuk tempoh tertentu. Dengan berada dalam kumpulan yang sama, guru dapat melihat perkembangan pencapaian yang ditunjukkan oleh sesuatu kumpulan bermula dari awal tugas diberikan sehingga ke peringkat akhir. Tambahan pula, murid sudah mencapai kesepakatan bersama dalam kumpulan yang telah dibentuk apabila melalui pelbagai aktiviti secara bersama. Meskipun begitu, Sankaranarayanan et al., (2020) menyarankan guru membuat penggiliran dalam tugas yang dilakukan oleh murid selepas selesai sesuatu projek. Dengan cara ini, murid mempunyai peluang untuk mencuba peranan yang berbeza dan membuka peluang untuk belajar kemahiran yang baharu (Sankaranarayanan et al., 2020). Galakan daripada guru dalam proses pembelajaran untuk mencuba pelbagai tugas dan kemahiran berupaya memberi kesan positif dalam diri murid (Usha Nagasundram & Vijayaletchumy Subramaniam, 2019). Sudah pasti guru mampu menarik dan merangsang murid untuk meneroka dan mencuba perkara baharu dalam proses pembelajaran mereka.

Kekuatan sesebuah kumpulan juga bergantung kepada variasi kemahiran yang dimiliki oleh setiap ahli kumpulan. Dengan adanya kepelbagaian kemahiran dalam kumpulan yang dibentuk, murid lebih mudah memberikan kerjasama kerana memberi sumbangan daripada sudut idea dan kemahiran mengikut kemampuan sendiri. Hal ini berselari dengan pandangan Noor Afzaliza Nazira & Maizatul Haizan (2021) yang menyatakan berkerja dalam kumpulan berupaya membuah hasil yang lebih baik kerana latar belakang dan kemahiran yang berbeza. Disebabkan oleh keistimewaan inilah murid dapat menyelesaikan tugas dengan baik, mempunyai motivasi tinggi dan bersemangat untuk bersaing antara satu sama lain. Bukan sekadar kolaborasi di dalam lingkungan sekolah, GPI juga mengadakan jalinan kerjasama dengan komuniti seperti ibu bapa, kawasan tempat tinggal, IPT serta agensi kerajaan dan swasta. Hal ini penting dilihat sebagai usaha untuk mengetengahkan murid dengan kehidupan sebenar dalam proses mengumpul pengalaman semasa belajar. Menurut Noor Afzaliza Nazira dan Maizatul Haizan (2021), murid yang melibatkan diri dengan aktiviti kerja luar memerlukan mereka berhubung dengan ramai orang akan memiliki sifat kepimpinan malah aktiviti yang dijalankan mendapat sokongan daripada pihak yang terlibat.

Perkongsian juga merupakan elemen heutagogi yang diterapkan dalam pengajaran GPI. Perpindahan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman antara murid, guru dan orang luar dilaksanakan dengan pelbagai cara seperti pembentangan dalam kelas, menggunakan platform media sosial dan pertandingan inovasi pembelajaran. Melalui pembentangan secara berkumpulan, murid boleh menceritakan semula tugas atau hasil kerja yang telah dibuat di dalam kelas. Dengan adanya teknologi, GPI mengambil peluang mengadakan pembentangan secara dalam talian yang membuka lebih banyak peluang perkongsian. Populariti media sosial dalam kalangan murid mendapat tempat sebagai medium yang digunakan oleh guru dan murid dalam usaha membuat perkongsian bahan pelajaran seperti TikTok, Instagram, Twitter dan YouTube bertepatan dengan pandangan Nurul Shakirah Mohd Zawawi dan Intan Mohammad (2019). GPI menggalakkan murid menggunakan media sosial sebagai medium untuk berkongsi bahan pelajaran sama ada yang dihasilkan sendiri oleh mereka

mahupun hasil orang lain. Murid bertindak sebagai pereka kandungan dengan menghasilkan video tutorial dan BBM.

Media sosial berupaya menyediakan jaringan perkongsian dengan mudah, cepat dan lebih luas. Bahkan, murid juga berpeluang mendapat maklum balas daripada orang lain. Hal ini demikian kerana dalam masa yang sama, perkongsian juga melibatkan hubungan interaksi antara manusia yang juga merupakan salah satu dalam elemen heutagogi. GPI juga percaya murid boleh berkongsi idea mengenai hasil kerja atau produk inovasi apabila mereka menyertai pertandingan inovasi berkaitan bahan bantu untuk belajar. Strategi ini dapat menggalakkan murid dan guru berkomunikasi bagi mendapatkan idea serta bertukar pendapat mengenai permasalahan yang dihadapi (Mohd Ridzuan Padzil, 2020). Komunikasi ini bukan sahaja meningkatkan keyakinan murid, malah menggalakkan murid mengembangkan kemahiran diri, berfikir dengan lebih luas serta yakin dalam mengemukakan hujah, pendapat, menyoal serta menyelesaikan masalah. Sudah pasti, hubungan antara guru dan juga murid menjadi lebih positif dan juga erat.

Selain itu, murid digalakkan untuk mengeluarkan idea dan pandangan serta bersikap terbuka untuk menerima pendapat orang lain bagi membentuk elemen berhubung di dalam PdP. Menurut Suzana Abd Mutalib dan Mohammad Zeere Kanreng (2017), kebolehan murid memberi pendapat berada pada aras kelima mengikut hierarki kognitif kemahiran berfikir iaitu menilai. Kecenderungan murid memberi pendapat sendiri menunjukkan mereka berjaya mengaplikasikan teknik kemahiran berfikir dalam aktiviti PdP dan kehidupan seharian (Peng & Zul Hazmi Hamad, 2018). GPI diteliti sering memperlihatkan sikap yang terbuka terhadap pendapat murid dengan cara mendengar dan mempertimbangkannya dengan sebaik mungkin. Kemahiran berfikir murid menjadi lebih efektif apabila guru tidak menghadkan pandangan atau pendapat murid (Nadia Abdul Rahim et al., 2021). Apatah lagi, murid mempunyai menunjukkan dasar kerterbukaan mereka dalam menerima pandangan dan idea-idea yang dikemukakan oleh rakan-rakan yang lain dan tidak merendah-rendahkan idea-idea tersebut. Hal ini senada dengan pandangan Ainun Rahmah Ibrahima et al. (2017) yang menyatakan bahawa peluang yang diberikan kepada mereka untuk berfikir dan memberi pendapat serta idea yang bernas dalam sesuatu hal dalam aktiviti PdP dapat menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran teknologi abad ke-21 seiring dengan mereka yang sentiasa menerima maklumat tentang kerjaya mereka.

Dalam masa yang sama, GPI juga menitikberatkan penglibatan penilaian daripada perspektif murid seperti mengadakan penilaian rakan sebaya. Pentaksiran yang bersifat alternatif ini digunakan untuk mendorong penglibatan murid seperti menilai bacaan ayat hafazan serta memberi markah ketika pembentangan hasil kerja secara berkumpulan. Penilaian yang dibuat secara berterusan akan membolehkan murid memperbaiki kelemahan dan kekurangan diri. Pada waktu yang sama, pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi dapat dipindahkan untuk membantu untuk memperbaiki kesalahan dan kelemahan orang lain. Di samping itu, setiap kritikan yang membina akan diberi oleh rakan lain dapat membantu murid yang lemah meningkatkan daya pemikiran atau mencuba gaya pembelajaran yang lain (Nadia Abdul Rahim et al., 2021). Keupayaan murid melontarkan dan bersikap terbuka menerima kritikan menunjukkan murid mempunyai kreativiti dalam menjana idea dan cadangan PdP mereka (Rafidah Yatim @ Mohd Yatim, & Mohd Safiee Idris, 2016). Menurut Colosnesi et al. (2020), pentaksiran rakan sebaya memberi hubungan timbal balik dalam antara pentaksir dan orang yang ditaksir sehingga membolehkan kedua-dua belah pihak belajar antara satu sama lain. Maklum balas secara timbal balik memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak untuk belajar memperbaiki diri, meningkatkan keyakinan dan menggalakkan persaingan antara murid. Dari sudut lain, GPI melihat maklum balas yang dikemukakan oleh murid adalah cerminan kepada refleksi ke atas pengajaran guru. Meskipun begitu, GPI menjadikan komen yang diberikan oleh murid sebagai panduan untuk memperbaiki kaedah pengajaran ke arah lebih baik sebagaimana pandangan yang dikemukakan oleh Irwan Fariza Sidik et al. (2018).

## KESIMPULAN

Sebagai rumusan, GPI telah melaksanakan elemen heutagogi dalam pengajaran mereka. GPI mengambil pelbagai inisiatif untuk mempelbagaikan aktiviti pengajaran dengan mengutamakan pembelajaran berpusatkan murid. GPI memberi peluang kepada murid untuk meneroka maklumat dan kemahiran baru sebagai cara untuk mempersiapkan mereka dengan cabaran pendidikan pada abad ke-21. Keutamaan diberikan terhadap kerja secara berkumpulan dalam proses pembelajaran bagi melaksanakan aktiviti yang menyokong kepada penerapan elemen heutagogi dengan sebaiknya. Meskipun masih di peringkat sekolah menengah, pendedahan persekitaran

pembelajaran secara heutagogi perlu diberikan sebagai persediaan untuk belajar di peringkat pengajian tinggi. Dalam zaman yang serba canggih, teknologi tidak boleh dipisahkan dengan pendidikan. Hal ini tentu sekali akan mempengaruhi cara belajar murid dengan menahirkan pembelajaran sendiri bagi menyokong pendidikan sepanjang hayat. Ekosistem pendidikan yang fleksibel dan interaktif akan melahirkan kemenjadian murid dengan memiliki kemahiran abad ke-21 untuk menangani persekitaran global serta dapat meningkatkan kualiti hidup. Oleh itu, guru hendaklah menyatukan semua elemen heutagogi yang saling berkait antara satu sama lain untuk membentuk persekitaran pengajaran dan pembelajaran secara heutagogi dengan lebih efektif.

## RUJUKAN

- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruh sikap, motivasi dan pencapaian pelajar sekolah menengah bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77-88.
- Andika Bagus Nur Rahma Putra, Haris Anwar Syafrudie, Jailani Md Yunos, Ahmad Mursyidum Nidhom, Azhar Ahmad Smaragdina, & Andrew Irfano Sembiring. (2019). Analisis Keperluan untuk Pendekatan Heutagogikal Melalui Kemahiran 4Cs sebagai Inovasi untuk Kuliah Vokasional dalam Pendidikan 4.0. 379(Veic), 362-371. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.191217.059>
- Seksyen Pendidikan Kurikulum. (2017). *Rangka kurikulum mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Blaschke, L. M., & Hase, S. (2016). Heutagogy: Rangka Kerja Holistik untuk Mencipta Pelajar yang Ditentukan Sendiri Dua Puluh Satu [Bab Buku]. *Nota Kuliah dalam Teknologi Pendidikan*. [https://doi.org/10.1007/978-3-662-47724-3\\_2](https://doi.org/10.1007/978-3-662-47724-3_2)
- Carstens, K. J., Mallon, J. M., Bataineh, M., & Al-Bataineh, A. (2021). Kesan Teknologi terhadap Pembelajaran Pelajar *TOJET: Jurnal Teknologi Pendidikan Dalam Talian Turki* 20(1).
- Colognesi, S., Vassart, C., Blondeau, B., & Coertjens, L. (2020). Penilaian rakan sebaya formatif untuk meningkatkan kemahiran lisan murid sekolah rendah: Perbandingan maklum balas bertulis tanpa perbincangan atau maklum balas lisan semasa perbincangan. *Kajian dalam Penilaian Pendidikan*, 67, 100917.
- Coomey, M., & Stephenson, J. (2001). Ini semua mengenai Dialog, Penglibatan, Sokongan dan Kawalan. *Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian*.
- Hase. (2001) "Berpindah dari andragogy ke heutagogy : implikasi untuk VET," Proc. Res. kepada Real. Putt. VET Res. untuk Bekerja Aust. Vocat. Educ. Keretapi. Res. Assoc., tidak. Januari 2001, 2001.
- Hase, S., & Kenyon, C. (2000). Dari andragogy ke heutagogy. *Ulti-BASE di tapak*.
- Hase, S., & Kenyon, C. (2013). Sifat pembelajaran. *Pembelajaran yang ditentukan sendiri: Heutagogy dalam tindakan*, 19-35.
- Huberman, M., & Miles, M. B. (2002). *Rakan penyelidik kualitatif*. Sage.
- Ibnu Khaldun. (2002). *Mukadimah Ibn Khaldun*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Irwan Fariza Sidik, Mohd Mahzan Awang, & Abdul Razaq Ahmad. (2018). Sokongan Persekitaran Sosial di Pelbagai Jenis Sekolah Menengah dalam Meningkatkan Kemahiran Insaniah Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia SI 1 (1)(2018): 67, 76*.
- Fisk, P. (2017). *Pendidikan 4.0... masa depan pembelajaran akan berbeza secara dramatik, di sekolah dan sepanjang hayat*. <https://www.peterfisk.com/2017/01/future-education-young-everyone-taught-together/>
- Jalaluddin Abdul Malek. (2017). Kesan pendidikan heutagogy melalui Telecentre di Kampung Pintar (Sv). *e-BANGI*, 14(2), 112-125.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Levy-Feldman, I. (2018). Guru yang baik untuk abad kedua puluh satu: "guru mentoring" dengan kemahiran heutagogi. *Jurnal Antarabangsa Mentoring dan Kejurulatihan dalam Pendidikan*, 7(2), 177-190. <https://doi.org/10.1108/IJMCE-10-2017-0067>
- Mimi Mohaffyza Mohamad, Foong, L. M., Alias Masek, Heong, Y. M., & Andika Bagus Nur Rahma Putra. (2020). Amalan aktiviti heutagogi di kalangan pelajar universiti teknikal Malaysia [Artikel]. *Jurnal Antarabangsa Penyelidikan Sainifik dan Teknologi, Amalan aktiviti heutagogikal di kalangan pelajar*

- universiti teknikal Malaysia*. <https://www.scopus.com/inward/record.uri?eid=2-s2.0-85085535154&partnerID=40&md5=89e1ebad45c9f64b10e1beab4706a933>
- Mohd Asnorhisham Adam, & Abdul Rahim Hamdan. (2017). Pendekatan pengajaran secara berkumpulan dalam program pemulihan khas bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, Vol. 7(Mei), 66-73.
- Mohd Ridzuan Padzil, Aidah Abd Karim, & Hazrati Husnin. (2020). PAK 21: Pembelajaran berasaskan projek dalam mata pelajaran reka bentuk dan teknologi (RBT). *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*(JILID III).
- Muhammad Ayisy Baharudin, & Mohd Ashraf Ibrahim. (2019). Kesediaan pelaksanaan pengajaran abad ke 21 dalam kalangan guru pelatih sejarah IPG zon selatan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, 2(5), 32-42.
- Muhammad Talhah Ajmain, Aminudin Hehsan, & Ahmad Marzuki Mohamad. (2019). Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam dalam Revolusi Industri 4.0. *Jurnal Penyelidikan dalam Psikologi*, 1(3), 13-17.
- Moore, R. L. (2020). Membangunkan pembelajaran sepanjang hayat dengan heutagogi: konteks, kritikan, dan cabaran. *Pendidikan Jarak Jauh*, 41(3), 381-401.
- Nadia Abdul Rahim, Nor Aqilah Meor Fadzir, Nur Adilah Hani Zaimal, Firli Fairulyzan Arias Yahaya, Zatul Iffah Zainol, & Mohd Razimi Husin. (2021). Implikasi Gaya Pembelajaran Koperatif Subjek Sains Bagi Murid Tahap Dua di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Rawang. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(2), 57-66.
- Narayan, V., Herrington, J., & Cochrane, T. (2019). Prinsip reka bentuk untuk pembelajaran heutagogi Melaksanakan pembelajaran yang ditentukan oleh pelajar dengan alat media mudah alih dan sosial. *Jurnal Teknologi Pendidikan Australasian*, 35(3).
- Nur Ashikin Suhaimi, & Nor'ain Mohd Tajudin. (2020). Mensinergikan pengajaran matematik peringkat universiti melalui pendekatan heutagogi ke arah kurikulum tersedia masa hadapan. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 56-69.
- Normah Awang Noh, & Ain Zahirah Mohd Zahid. (2021). Manfaat Penglibatan Dalam Kesukarelawanan Terhadap Pembangunan Kemahiran dan Sosial Dalam Kalangan Mahasiswa Persatuan Kelab Penyayang. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15, 67-84.
- Norwahida Saamri, Safinah Nawawi & Ruzanna Ramli. (2021). Tahap Penerimaan Pelajar terhadap Penggunaan Kemudahan Dalam Talian untuk Menyokong Aktiviti Pembelajaran Fleksibel Berdasarkan Elemen Reka Bentuk Pendekatan Heutagogikal. *Jurnal Antarabangsa Pendidikan Moden*, 3(8), 35-48. <https://doi.org/10.35631/ijmoe.38004>
- Noor Afzaliza Nazira Ibrahim, & Maizatul Haizan Mahbob. (2021). Keterampilan Peribadi Pelajar Sebagai Satu Bentuk Kemahiran Komunikasi dan Kepentingannya dalam Pasaran Dunia Pekerjaan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, Jilid 37(1), 209-226. <https://doi.org/https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3701-12>
- Noor Muslieah Mustafa Kamal, Zaharah Hussin, Abdul Muhsien Sulaiman, & Nurul Nadia Abd Latib. (2021). Penggunaan Heutagogy Dalam Penggunaan Pembelajaran Berasaskan Rumah M-Pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Islam*, 7, 44-65.
- Nurul Shakirah Mohd Zawawi, & Intan Shafinaz Mohammad. (2019). Media Sosial Sebagai Medium Perkongsian Maklumat Dan Pembelajaran Kendiri Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *E-Jurnal Liga Ilmu Serantau 2019: Malaysia Indonesia (Lis 2019)*, 1, 42-60.
- Ordu, U. B.-A. (2021). Peranan Alat Bantu Mengajar dan Pembelajaran / Kaedah dalam Dunia yang Berubah. *Persatuan Pendidikan Perbandingan Bulgaria*.
- Peng, C. F., & Zul Hazmi Hamad. (2018). Kemahiran Berfikir yang Lebih Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu melalui Teknik Pertanyaan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 1-12.
- Rafidah Yatim @ Mohd Yatim, & Mohd Safiee Idris. (2016). Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Perniagaan Dan Keusahawanan Dalam Kalangan Guru Kemahiran Hidup Sekolah Rendah Di Daerah Batu Pahat Dari Persepsi Pelajar. *Online Journal for TVET Practitioners*, 1(1).
- Suzana Abd Mutalib, & Mohammad Zeeree Kanreng. (2017). Pelaksanaan KBAT dalam pentaksiran formatif bagi slot Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia: Kajian kes. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 6(1), 18-33.
- Wan Mariana Wan Mohamad, & Kamarul Shukri Mat Teh. (2019). Pembelajaran Abad ke-21 dalam Al-Quran: Satu Manual Pendidikan Istimewa daripada Allah. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies*, 2(1), 192-201.

- Wong, K. T., Yeop, M. A., & Muhammad, M. M. B. (2019). Memodelkan faktor yang mempengaruhi pelaksanaan amalan mudah alih-heutagogi di kalangan guru: Aplikasi model struktur pelbagai kumpulan yang tidak berubah-ubah [Kajian]. *Jurnal Antarabangsa Pembelajaran, Pengajaran dan Penyelidikan Pendidikan*. <https://doi.org/10.26803/ijlter.18.12.1>
- Yin, R. K. (2011). *Permohonan penyelidikan kajian kes*. Sage.